



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT
DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**DIBACAKAN OLEH:
YBRS. DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD HASHIM**

**MAJLIS SAMBUTAN
HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN**

1 OKTOBER 2020

Dewan Perdana Nur, KPWK
Putrajaya

PENDAHULUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Prihatin

SALUTASI

(akan dikemukakan kemudian selepas mendapat pengesahan kehadiran)

KATA-KATA ALUAN

(1) Sebelum saya memulakan bicara, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada pagi ini, iaitu **MAJLIS PERASMIAN HARI WARGA EMAS 2020** di Dewan Nur ini.

(2) Di kesempatan ini izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah bertungkus lumus menganjurkan majlis sambutan Hari Warga Emas 2020 yang bertemakan "**Pandemik dan Penuaan: Mendepani Perubahan**".

(3) Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua tetamu khususnya warga emas yang kita raikan pada pagi ini di atas kesudian meluangkan masa untuk bersama-sama meraikan sambutan ini.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

TAKRIFAN WARGA EMAS

(4) Seperti mana yang tuan/puan sedia maklum, warga emas di negara **kita adalah individu yang berumur 60 tahun ke atas**. Takrifan ini merujuk kepada terma yang diterima pakai semasa persidangan "*United Nations World Assembly on Ageing in 1982*" di Vienna, Austria.

(5) Namun begitu, saya mendapati bahawa warga emas yang **berusia 60 tahun di negara kita merupakan warga emas yang sihat dan produktif dan masih boleh menyumbang kepada produktiviti negara.** Alhamdulillah, sejajar dengan kemajuan teknologi dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti yang ditawarkan oleh negara kita mendorong kepada faktor yang menyumbang kepada warga emas yang sihat dan sejahtera. **Mungkin, sudah sampai masanya untuk kita meneliti semula had umur berkaitan takrifan usia emas di negara kita.**

(6) Justeru, warga emas sebagai teras masyarakat yang diungkap dalam lirik lagu yang diperdengarkan sebentar tadi adalah tepat sekali. Saya sangat menyanjung budi dan sumbangan bakti yang telah diberikan oleh warga emas di negara ini. Warga emas bagai obor dan pelita, berkhidmat, berbakti dan berjuang di mana jua berada. Dan inilah yang dizahirkan oleh kepimpinan unggul negara pada masa ini iaitu **YAB Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, yang begitu kuat bekerja dan berjuang demi kesejahteraan rakyat biarpun berada di usia emas.**

Sidang hadirin yang saya muliakan,

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN TAHUN 2020

(7) Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada **14 Disember 1990** untuk disambut pada **1 Oktober setiap tahun** berdasarkan **resolusi No. 45/106 (*Implementation of the International Plan of Action on Ageing and related activities*)**. Selaras dengan resolusi tersebut, Kerajaan Malaysia pada tahun 1992 telah bersetuju dan memutuskan untuk mengisytiharkan **1 Oktober setiap tahun disambut sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan**.

(8) Sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini adalah sambutan yang cukup berbeza. Ini kerana pada tahun ini kita meraikannya dalam suasana pandemik COVID-19. Pandemik ini telah membawa perubahan kepada norma baharu manusia sejagat secara keseluruhannya. Justeru, PBB telah menetapkan tema Hari Warga Emas Antarabangsa Tahun 2020 adalah berkaitan dengan pandemik iaitu ***“Pandemics: Do They Change How We Address Age And Ageing?”*** Selari dengan tema di peringkat antarabangsa, Kementerian juga bersetuju memilih tema sambutan kita pada hari ini iaitu **“Pandemik dan Penuaan: Mendepani Perubahan”**.

INISIATIF PEMERKASAAN WARGA EMAS OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

(9) Menyedari peri pentingnya mengekalkan warga emas untuk terus produktif, berdaya saing dan sejahtera, Kementerian telah merangka pelbagai inisiatif seperti berikut :

- (i) Pada masa ini, Kerajaan sedang menggubal **satu draf Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk warga emas** yang akan memfokuskan kepada promosi dan perlindungan hak asasi warga emas. Draf RUU ini dibangunkan dengan **kerjasama Unit Perundingan Universiti Malaya**. Dalam proses penggubalan ini, Kementerian turut mengadakan sesi konsultasi bersama-sama pemegang taruh bagi menghasilkan RUU yang holistik dan lengkap serta bersesuaian dengan konteks Malaysia. Kerajaan menyasarkan **RUU ini dibawa dan dibentangkan ke Parlimen pada tahun 2021**.

- (ii) Kementerian juga sedang menggerakkan usaha mewujudkan jaringan keselamatan sosial warga emas yang lebih mampan melalui **Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia (Long Term Care)**. Antara objektif kajian ini adalah untuk **melaksanakan kajian diagnostik dan analisis jurang** serta **membangunkan pelan tindakan pelaksanaan LTC**.

- (iii) Bagi memastikan kesinambungan hidup warga emas yang memerlukan, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kebajikan iaitu **Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM350 sebulan** kepada warga emas yang layak.
- (iv) Menubuhkan **institusi kebajikan seperti Rumah Seri Kenangan, Rumah Ehsan serta Desa Bina Diri** bagi memberi jagaan kepada golongan warga emas yang uzur serta pembangunan insaniah warga emas.
- (v) Mewujudkan eko-sistem yang menyokong warga emas produktif melalui peluasan penubuhan **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di 222 Parlimen di bawah projek RMKe-11 dan RMKe-12**. Sehingga kini, sebanyak 132 buah PAWE telah ditubuhkan meliputi 120 Parlimen dan memberi manfaat kepada 40,073 orang warga emas.
- (vi) Menyediakan satu **senarai semak atau penanda aras** bagi menjadikan sesebuah kawasan atau bandar yang mesra warga emas melalui Kajian **Age-Friendly City** atau bandar mesra usia. Projek rintis bandar mesra usia ini telah dilancarkan di Taiping pada 30 Oktober 2019.
- (vii) Kementerian juga dalam proses merangka **strategi dan pelan tindakan di bawah RMKe-12** yang akan menjamin kesejahteraan warga emas dan sebagai langkah persediaan awal ke arah Negara Tua pada 2030.

- (viii) **Melaksanakan saringan COVID-19** dengan kerjasama Kementerian Kesihatan kepada penghuni dan kakitangan di semua Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan melibatkan 2,376 orang sebagai satu usaha untuk mencegah penularan Covid-19 di insitusi warga emas.

- (ix) **Membangunkan sistem e-WE** yang akan dilancarkan sebentar nanti. Sistem ini merangkumi pendaftaran warga emas, suai padan pekerjaan, perkongsian maklumat dan seterusnya menjana kepada pemetaan warga emas di negara ini.

PENUTUP

- (10) Kesedaran mengenai penuaan jua perlulah diterapkan daripada peringkat awal bagi persediaan menghadapi usia tua dari segi emosi, kewangan, kesihatan, persekitaran dan minda. Peranan ini perlulah dimainkan bersama oleh pihak media serta komuniti dan NGO agar satu rangkaian sokongan yang efektif dapat diwujudkan untuk kesejahteraan semua pihak.

- (11) Terdapat ayat Al-Quran yang memberi peringatan untuk kita menginsafi betapa besar kedudukan ibu bapa atau warga emas. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa; Ayat 4 “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa”.

(12) Akhir kata, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan sekalung tahniah kepada JKM yang telah menganjurkan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2020 dengan tema “Pandemik dan Penuaan: Mendepani Perubahan”. Usaha memperkasa dan melindungi warga emas adalah tanggungjawab kita.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

(13) Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** saya mewakili Yang Berhormat Datuk Seri Rina binti Mohd Harun merasmikan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2020.

(14) Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*Bahagian Warga Emas
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Oktober 2020

